



1. **PEGAWAI PERIKANAN**
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 SEBULAN] ATAU
B.2 [\$2,270 - \$3,760 SEBULAN]
KEKOSONGAN = 1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Perikanan / Sains Perikanan / Matematik / Ekonomi / Sains Biologi / Biologi Marin / Kimia / Mikrobiologi / Biokimia / Sains Sosial / Perundangan / Teknologi Makanan atau bidang bersesuaian.

- b) **TANGGAGAJI B.2:**

i. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Perikanan / Sains Perikanan atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii. Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERIKANAN:

1. Membantu Ketua Divisyen / Ketua Seksyen dalam mentadbir pegawai dan kakitangan bawahan.
2. Membantu Ketua Divisyen / Ketua Seksyen dalam merancang, melaksanakan dan mengawasi kemajuan projek-projek yang dikendalikan oleh Divisyen / Seksyen nya.



3. Membantu Ketua Divisyen dalam menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan Divisyen / Seksyen nya.
4. Membantu Ketua Divisyen / Ketua Seksyen dalam pengawasan dan penilaian pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (Jabatan Perikanan).
5. Menyelaras pelaksanaan program dan fokus di Seksyen yang berkenaan Jabatan Perikanan.
6. Memantau kemajuan industri yang berkaitan dan perkembangan salah satu sektor perikanan seperti industri penangkapan ikan, akuakultur dan pemprosesan serta eko-pelancongan.
7. Memastikan akta-akta perikanan dan peraturan-peraturan perikanan dipatuhi oleh semua pihak yang berkecimpung di dalam Industri Perikanan.
8. Menyelaras komitmen Jabatan dalam forum serantau dan antarabangsa *SEAFDEC*, *APEC* dan lain-lain.
9. Menyelaras perkembangan sumber tenaga manusia melalui kursus-kursus latihan dan sebagainya.
10. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Divisyen / Ketua Seksyen dan pegawai atasan dari semasa ke semasa.